



SIARAN MEDIA

UNTUK EDARAN SEGERA

## Pentas Seni Merdeka meningkatkan ekuiti sosial melalui pengaktifan ruang awam

*Siri acara seni dan budaya ini merupakan salah satu dari usaha bersama pihak berkepentingan untuk memperkuatkan Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai daerah budaya dan kreatif*

**KUALA LUMPUR, 16 JULAI** – Pusat bandar yang dahulunya begitu ceria, bertenaga dan berkembang pesat, yang lebih dikenali sebagai Downtown Kuala Lumpur (Downtown KL), telah merudum akibat pertumbuhan pesat Kuala Lumpur sebagai ibu negara. Sepanjang dekad yang lalu, pelbagai usaha oleh kerajaan dan juga sektor swasta telah dijalankan bagi menyuntik dan mencungkil permata yang tersembunyi di Kuala Lumpur, selain dari pelbagai projek infrastruktur dan ‘connectivity’ seperti River of Life, Mass Rapid Transit (MRT) dan banyak lagi. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah bekerjasama dengan Think City untuk menggalak pembaharuan dan penjanaan semula Downtown KL. Kerjasama ini telah memberikan nafas baharu pada kawasan penuh bersejarah yang menempatkan bangunan dibaik-pulih, laluan pejalan kaki dan lorong telah dinaik taraf. Penghijauan alam sekeliling bandar serta penambahbaikan kemudahan dan perkhidmatan juga dijalankan.

Ini adalah sebahagian dari strategi menghidupkan kembali dan membawa keceriaan ke bandar. Selaras dengan aspirasi ini, Think City dan DBKL berkolaborasi menganjur bersama Pentas Seni Merdeka pada 16 Julai 2022, di Jalan Raja, Kuala Lumpur bertentangan dengan Bangunan Sultan Abdul Samad yang ikonik, Panggung Bandaraya dan Bangunan Mahkamah Tinggi. Acara julung kali ini dihadiri rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat serta pelbagai tetamu kehormat.

Pentas Seni Merdeka adalah inisiatif seni, yang bertujuan untuk meningkatkan ekuiti sosial melalui pengaktifan ruang awam dan meletakkan Downtown KL sebagai daerah budaya dan kreatif yang dijalankan secara percuma setiap bulan. Pentas Seni Merdeka kali ini, yang merupakan edisi pertama dari empat edisi yang akan datang, menampilkan tarian dan seni Ronggeng Melayu yang dikendalikan oleh Pusat Penyelidikan Seni Persembahan Nusantara (NusPARC). Acara itu turut menampilkan pelbagai aktiviti lain termasuk persembahan dari Artis Budaya dan Kombo Budaya DBKL, bengkel terrarium, kedai makanan ringan tempatan, ‘food truck’ dan banyak lagi.

Datuk Seri TPr Haji Mahadi Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur berkata, “Terdapat kes menarik menunjukkan aktiviti dan infrastruktur kreatif dan budaya adalah penting dalam mewujudkan bandar raya yang lebih bertenaga. Ia bukan sahaja menyatukan keharmonian, malah kandungan sebegini juga mencetuskan kerjasama dan dialog, menyemarak ekonomi tempatan dan menggalakkan transformasi bandar. Oleh itu, DBKL kini sedang mengaktifkan semula Kuala Lumpur bersama rakan kongsi seperti Think City dalam salah satu usaha seperti Pentas Seni Merdeka pasca pandemik. Kita berharap untuk melihat lebih banyak usaha kolaboratif dilaksanakan untuk menjadikan ruang awam lebih menarik untuk rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat.”

Pengarah Urusan Think City, Hamdan Abdul Majeed pula berkata, “Ruang awam terbaik terhasil dari inisiatif yang dipacu komuniti. Ruang sebegini merupakan asas komuniti yang hebat, yang seterusnya menjadi tunggang pembinaan masyarakat yang makmur, saksama dan berdaya tahan. Inilah titik



# thinkCITY

Making Cities Liveable, Together.

pertemuan awam. Ruang awam yang menarik terhasil dari citarasa kandungan kreatif dan budaya. Kajian menunjukkan bahawa pelaburan dalam kandungan sedemikian boleh meningkatkan keselamatan jalan, menambahkan peluang pelancongan dan pekerjaan, dan banyak lagi. Saya percaya faktor asas ini akan bertambah penting dalam halatuju kita sebagai sebuah negara.”

“Melalui Pentas Seni Merdeka, Think City berhasrat untuk mewujudkan dan mengekalkan platform seni awam di Downtown KL sebagai sebahagian dari pelan strategik untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai pusat budaya dan kreatif. Matlamat kami adalah untuk meletakkan semula Downtown KL sebagai tarikan ikonik dengan tumpuan pada budaya, seni, warisan, kreativiti dan inovasi. Ini termasuk mengumpul, mengaktifkan dan memulihkan aset sedia ada sambil merangsang rangkaian yang lebih luas dalam aktiviti ekonomi baharu serta meningkatkan kualiti daya huni,” tambahnya.

Bagi menyokong visi Downtown KL sebagai pusat budaya dan kreatif, Think City melancarkan Program Geran Downtown Kuala Lumpur 2021 untuk memperkasa dan meningkatkan kualiti hidup pelbagai komuniti, membangunkan pengalaman baharu di pusat bandar melalui pengisian yang inovatif. Ini bertujuan mengubah dan menghidupkan semula ruang awam dengan penyelesaian kreatif. Pembukaan untuk permohonan pusingan kedua program bagi tahun 2022 adalah pada 19 Julai 2022.

Pentas Seni Merdeka edisi seterusnya akan diadakan pada setiap Sabtu kedua di Jalan Raja dengan edisi kedua dijadualkan pada 10 September; diikuti dengan edisi seterusnya pada 8 Oktober, 12 November dan 10 Disember. Setiap edisi akan menampilkan bentuk dan pengalaman seni tradisional berbeza untuk dinikmati oleh pengunjung.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.thinkcity.com.my](http://www.thinkcity.com.my) atau gunakan hashtag #mythinkcity di media sosial. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Program Geran Downtown Kuala Lumpur, layari [www.thinkcity.com.my/downtownkl](http://www.thinkcity.com.my/downtownkl).

-TAMAT-



# thinkCITY

Making Cities Liveable, Together.

## Mengenai Think City

Think City adalah sebuah organisasi berimpak tinggi yang telah ditubuhkan pada tahun 2009. Ianya bertujuan menghasilkan pelestarian bandar yang lebih saksama demi faedah semua. Kemahiran, ilmu dan strategi Think City tertumpu kepada solusi perbandaran, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi budaya. Think City ialah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (Dana Kekayaan Berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.thinkcity.com.my](http://www.thinkcity.com.my).

*Diedarkan oleh bzBee Consult Sdn Bhd bagi pihak Think City.*

*Sila hubungi Ninot Aziz – + 6019 396 6544; ninotaziz@bzbee.com.my untuk sebarang pertanyaan media.*